

Malaysia tidak lindungi pengganas: Mahathir

BH 25 SEP 2001

Oleh Manja Ismail, Kadir Dikoh dan Wan Esuriyanti Wan Ahmad

SIBU, Isnin – Malaysia tidak melindungi pengganas dan siapa saja, termasuk rakyat Malaysia yang melakukan keganasan di luar negara, termasuk di Amerika Syarikat, akan diserahkan kepada pihak berkuasa negara berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri bagaimanapun menegaskan, jika orang

terbabit melakukan jenayah di negara ini, kerajaan bertanggungjawab menanganinya mengikut undang-undang Malaysia.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan agensi berita asing kelmarin bahawa Biro Keselamatan Persekutuan (FBI) Amerika meminta sembilan negara Arab dan Islam supaya menyerahkan beratus-ratus orang

yang disyaki pengganas.

Menurut AFP, akhbar berbahasa Arab di Syria, Almoharrer memetik diplomat Eropah di Perancis sebagai berkata, FBI meminta Afghanistan, Mesir, Iran, Lebanon, Malaysia, Arab Saudi, Syria, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Yaman menyerahkan orang yang disyaki sebagai pengganas atau menghadapi akibatnya.

Bercakap kepada pemberita selepas Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Kampung Semop, Pulau Bruit dalam Bahagian Sarikei, kira-kira dua jam perjalanan bot dari sini hari ini, Dr Mahathir berkata:

“Kita tidak melindungi pengganas. Kalau mereka pengganas, kita masukkan mereka dalam tahanan. Dulu ada orang mengadu pasal apa kita ambil tindakan tanpa bicara, tetapi sekarang ini, orang lain

pun macam itu juga.

“Bagi kita, kalau dia buat kesalahan di Amerika, kita hantar dia (kepada FBI). Kalau dia buat kesalahan di sini (Malaysia), itu tanggungjawab kita,” katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, beliau belum menerima laporan sama ada FBI secara rasmi sudah meminta Malaysia mengemukakan senarai pengganas yang dimaksudkan itu.

“Saya tidak tahu kecuali apa yang saya baca dalam surat khabar,” katanya.

Pada sidang akhbar di KUCHING pula, Dr Mahathir berkata beliau sedih dengan dakwaan konon Malaysia melindungi pengganas.

Beliau juga berkata, perkembangan di Amerika Syarikat bukanlah ancaman kepada Malaysia, namun negara ini rasa

LHAT MUKA 2

PM harap Amerika tidak lancar serangan

DARI MUKA 1

terganggu kerana dipaksa untuk memihak.

"Kita memang menentang pengganas. Kita akan menyokong Amerika dalam memerangi keganasan, tapi kita tidak boleh menyokong peperangan terhadap orang yang mungkin tidak terbabit dalam keganasan. Itu perkara lain yang kita tidak boleh sokong.

"Kita tidak boleh beri sokongan kepada perkara yang meletakkan nyawa orang tidak berdosa dalam bahaya. Itu kita tidak boleh.

"Tapi kita akan beri segala maklumat mengenai pengganas jika mereka (Amerika Syarikat) mahu. Kita juga menyokong apa jua tindakan terhadap pengganas," katanya.

Terdahulu, Dr Mahathir dalam ucapannya di majlis Pemimpin Bersama Rakyat yang dihadiri kira-kira 7,000 penduduk itu, berharap hasrat Amerika untuk menyerang negara yang dianggap tempat perlindungan pengganas tidak menjadi kenyataan kerana jika berlaku, ramai yang tidak berdosa akan menjadi mangsa.

Sambil melahirkan syukur kerana dalam keadaan dunia mahu menghapuskan huru-hara itu, rakyat Malaysia masih hidup aman dan damai, Perdana Menteri berkata umat Islam di seluruh dunia kini menjadi sasaran sehingga ada yang tidak keluar rumah di Amerika kerana bimbang diserang.

"Bahkan mereka tidak memilih, menentukan siapa sasaran. Orang Bangali yang berserban pun dibunuh dengan anggapan ba-

hawa dia orang Islam. Kita lihat ada tempat yang dibakar kerana perasaan tidak toleran antara kaum.

"Kita akui bahawa serangan yang dibuat ke atas bandar raya New York itu adalah satu keganasan dan pengganas harus diambil tindakan, mereka harus diburu dan dibawa ke pengadilan.

"Malangnya, orang yang tidak berdosa juga dijadikan sasaran dan mungkin ramai daripada mereka akan menjadi mangsa peperangan," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Pegawai Perhubungan Awam Kedutaan Amerika Syarikat, Carl Stoltz, berkata pihaknya tidak tahu menahu mengenai laporan yang menamakan Malaysia sebagai antara sembilan negara yang diminta FBI untuk menyerahkan orang yang disyaki pengganas.

"Saya akan pastikan dengan Washington sebelum memberi penjelasan," katanya kepada Berita Harian.

Stoltz turut menolak kemungkinan pihak kedutaan menghantar laporan kepada Washington yang boleh mengaitkan Malaysia dalam senarai sembilan negara berkenaan.

Beliau berkata, Amerika sentiasa menghargai sokongan Malaysia dalam memerangi jenayah pengganas, terutama serangan ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) New York dan Jabatan Pertahanan Amerika, Pentagon.